

**ANALISIS KAJIAN: LATAR BELAKANG RESPONDEN BERDASARKAN
BORANG SOAL SELIDIK DAN KESALAHAN EJAAN**

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan dibincangkan dua perkara berikut:

- a) Latar belakang responden berdasarkan borang soal selidik.
Tujuannya adalah untuk memberi gambaran keseluruhan tentang latar belakang pelajar-pelajar yang dikaji.
- b) Kesalahan ejaan yang dibuat oleh para pelajar berkenaan.
Kesalahan-kesalahan ini telah disenaraikan dalam bab 4 dan dalam huraian ini akan dikaitkan dengan beberapa faktor latar belakang responden.

5.2 Latar Belakang Responden Berdasarkan Borang Soal Selidik

Terdapat seramai 400 orang pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini. Kesemua pelajar berasal dari empat buah Sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor, iaitu Sekolah Menengah Hin Hua, Sekolah Menengah Chung Hua, Sekolah Menengah Pin Hua dan Sekolah Menengah Kwang Hua.

5.2.1 Bilangan Responden Mengikut Jantina

Daripada 400 orang pelajar, terdapat seramai 239 (59.75 peratus) pelajar lelaki dan 161 (40.25 peratus) pelajar perempuan. Bilangan tersebut tidak sekata kerana jumlah pelajar lelaki yang mengambil Peperiksaan SPM melebihi jumlah pelajar perempuan.

5.2.2 Status Sosioekonomi Keluarga Responden

Status sosioekonomi keluarga responden menunjukkan bahawa jumlah keluarga yang berpendapatan tinggi adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 323 (80.75 peratus). Jumlah keluarga yang berpendapatan lebih rendah, iaitu kurang daripada RM 3000.00 sebulan ialah sebanyak 77 (19.25 peratus). Berpendapatan tinggi bermakna pendapatan yang berjumlah melebihi RM 3000.00 sebulan. Daripada sampel ini, yang berpendapatan tinggi terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai ahli perniagaan. Golongan yang berpendapatan rendah pula ialah mereka yang bekerja sebagai guru, pegawai swasta, kerani dan sebagainya.

5.2.3 Taburan Pencapaian Bahasa Melayu Responden

Taburan pencapaian bahasa Melayu responden, mengikut keputusan peperiksaan pertengahan tahun, menunjukkan bahawa pelajar yang memperoleh pangkat cemerlang lebih rendah daripada pelajar yang mendapat pangkat kepujian dan lulus. Pelajar yang mendapat pangkat cemerlang ialah sebanyak 75 orang (18.75 peratus), manakala pelajar yang mendapat pangkat kepujian ialah sebanyak

178 orang (44.5 peratus) dan mereka yang mendapat pangkat lulus pula ialah sebanyak 147 orang (36.75 peratus).

5.2.4 Taburan Aliran Akademik Responden

Dalam sampel ini, jumlah responden aliran sains kelihatan lebih rendah daripada jumlah responden aliran perdagangan. Jumlah responden aliran sains ialah sebanyak 183 orang (45.75 peratus), sementara jumlah responden aliran perdagangan sebanyak 217 orang (54.25 peratus).

5.2.5 Bahasa yang Selalu Digunakan di Sekolah oleh Responden

Jumlah pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah sangat rendah, iaitu hanya 5 orang (1.25 peratus) sahaja. Jumlah mereka yang kadang-kadang bertutur bahasa Melayu dengan rakan-rakan di sekolah adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 219 orang (54.75 peratus), manakala mereka yang tidak pernah berbuat demikian ialah sebanyak 176 orang (44 peratus).

5.2.6 Bahasa yang Digunakan di Luar Sekolah oleh Responden

Gambaran penggunaan bahasa di luar sekolah oleh responden juga hampir sama. Jumlah pelajar yang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah juga sangat rendah, iaitu hanya 11 orang atau 2.75 peratus sahaja, manakala pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu di luar sekolah menunjukkan jumlah yang tertinggi, iaitu sebanyak 266 orang atau 66.5

peratus. Pelajar yang tidak pernah berbuat demikian ialah sebanyak 123 orang atau 30.75 peratus.

5.2.7 Bahasa yang Digunakan oleh Responden dengan Keluarga

Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga ialah sebanyak 12 orang atau 3 peratus, manakala pelajar yang hanya kadang-kadang berbuat demikian ialah sebanyak 138 orang atau 34.5 peratus. Jumlah pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga ialah sebanyak 250 orang atau 62.5 peratus. Kelihatan bahawa pada amnya bahasa Melayu kurang digunakan oleh responden sebagai bahasa perhubungan antara ahli-ahli keluarga.

5.2.8 Minat Belajar Bahasa Melayu di Kalangan Responden

Dari segi minat untuk belajar bahasa Melayu, daripada maklumat yang diperoleh melalui borang soal selidik, kelihatan bahawa bilangan pelajar yang paling minat terhadap bahasa Melayu amat rendah, iaitu sebanyak 16 orang (4 peratus). Mereka yang sekadar minat terhadap bahasa Melayu pula tinggi, iaitu sebanyak 247 orang (61.75 peratus). Jumlah pelajar yang tidak minat terhadap bahasa Melayu juga tinggi, iaitu sebanyak 137 orang atau 34.25 peratus.

5.2.9 Minat Membaca dan Mendengar Puisi di Kalangan Responden

Minat membaca dan mendengar puisi juga ditanya dalam borang soal selidik. Jumlah pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi agak rendah, iaitu sebanyak 64 orang (16 peratus). Bakinya, iaitu sebanyak 336 orang (84 peratus) tidak minat membaca dan mendengar puisi.

5.2.10 Kekerapan Meminjam Buku Berbahasa Melayu dari Perpustakaan Sekolah dalam Sebulan oleh Responden

Bilangan pelajar yang selalu meminjam buku dari perpustakaan sekolah dalam sebulan amatlah rendah, iaitu sebanyak 6 orang (1.5 peratus) sahaja. Bilangan mereka yang kadang-kadang berbuat demikian agak sederhana, iaitu sejumlah 127 orang (31.75 peratus). Bilangan pelajar yang langsung tidak pernah berbuat demikian pula adalah tertinggi, iaitu sebanyak 267 orang (66.75 peratus).

5.2.11 Minat Membaca dan Mendengar Cerita di Kalangan Responden

Pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita sangat sedikit bilangannya, iaitu sebanyak 12 orang (3 peratus). Mereka yang sekadar berminat sahaja menunjukkan jumlah yang tertinggi, iaitu sebanyak 200 orang (50 peratus), manakala jumlah mereka yang langsung tidak minat pula ialah sebanyak 188 orang atau 47 peratus.

5.2.12 Persekitaran Tempat Tinggal Responden

Dari segi persekitaran tempat tinggal, tiga jenis persekitaran dikenal pasti, iaitu yang semua penduduknya kaum Cina, yang majoriti penduduknya kaum Cina, dan persekitaran yang hanya separuh sahaja kaum Cina, yang separuh lagi kaum-kaum lain. Didapati bahawa pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua ialah sebanyak 91 orang (22.75 peratus). Pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina merupakan jumlah yang terbanyak, iaitu sebanyak 156 orang (39 peratus) dan jumlah pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain tidak banyak perbezaannya dengan pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina, iaitu sebanyak 153 orang atau 38.25 peratus.

5.2.13 Kawasan Tempat Tinggal Responden

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di kawasan bandar ialah sebanyak 245 orang (61.25 peratus), iaitu merupakan jumlah yang tertinggi. Pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar pula ialah sebanyak 75 orang atau 18.75 peratus, manakala mereka yang tinggal di kampung baharu pula ialah sebanyak 80 orang (20 peratus).

5.3 Kesalahan Ejaan Responden dan Kaitannya dengan Beberapa Faktor Latar Belakang Mereka

Dalam bab 4 telah dibincangkan kesalahan-kesalahan ejaan yang dilakukan oleh responden kajian ini. Banyak sebab dapat dikenal pasti yang telah mempengaruhi pencapaian mereka dari segi ejaan. Yang paling ketara ialah

pengaruh bahasa ibunda mereka, diikuti oleh faktor-faktor yang berkaitan seperti Bahasa Melayu Pasar dan kejahilan mereka sendiri dari segi mengeja. Ditinjau dari segi keseluruhan kesalahan bahasa, jumlah kesalahan ejaan responden ialah sebanyak 157 atau 9.58 peratus.

Berikut dihuraiakan gejala kesalahan ejaan ini dari beberapa sudut latar belakang responden.

5.3.1 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Jantina

Daripada 157 keseluruhan kesalahan ejaan, pelajar lelaki melakukan kekerapan sebanyak 100 (63.70 peratus), manakala pelajar perempuan pula melakukan kekerapan sebanyak 57 atau 36.30 peratus. Kelihatan bahawa pelajar lelaki melakukan lebih banyak kesalahan ejaan daripada pelajar perempuan.

5.3.2 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Status Sosioekonomi Keluarga

Kekerapan kesalahan ejaan pelajar menurut status sosioekonomi keluarga jelas menunjukkan perbezaan yang amat ketara. Pelajar daripada status sosioekonomi keluarga tinggi melakukan lebih banyak kesalahan ejaan, iaitu sebanyak 127 (80.89 peratus) berbanding dengan pelajar daripada status sosioekonomi keluarga rendah yang hanya melakukan 30 kesalahan atau 19.11 peratus. Punca keadaan yang agak luar biasa ini akan dihuraiakan dalam bab penutup.

5.3.3 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Pencapaian Peperiksaan Bahasa Melayu

Seperti yang dianggarkan, jumlah kesalahan ejaan di kalangan pelajar yang mendapat pangkat cemerlang dalam bahasa Melayu dalam peperiksaan pertengahan tahun amat kurang, iaitu sebanyak 30 (19.11 peratus) sahaja. Namun begitu, pelajar yang mendapat pangkat kepujian dan pangkat lulus tidak begitu menampakkan perbezaan yang ketara. Pelajar yang mendapat pangkat kepujian melakukan sebanyak 74 (47.13 peratus) kesalahan, manakala mereka yang mendapat pangkat lulus pula melakukan sebanyak 53 (33.76 peratus) kesalahan.

5.3.4 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Aliran Akademik

Secara keseluruhan kajian ini mendapati bahawa pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan ejaan daripada pelajar aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan sebanyak 94 (59.87 peratus) kesalahan, manakala pelajar aliran sains hanya melakukan sebanyak 63 atau 40.13 peratus kesalahan.

5.3.5 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Sekolah

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah langsung tidak melakukan kesalahan ejaan. Walau bagaimanapun, pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah dan pelajar yang langsung tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah tidak menunjukkan signifikan. Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah

melakukan sebanyak 89 (56.69 peratus) kesalahan, manakala yang langsung tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan sebanyak 68 (43.31 peratus) kesalahan. Ini mungkin kerana pelajar-pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah sentiasa menggunakan bahasa pasar dalam perbualan mereka. Nampaknya penggunaan bahasa pasar tersebut terbawa-bawa ke dalam penulisan.

5.3.6 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Luar Sekolah

Kekerapan kesalahan ejaan yang dikesan daripada pelajar yang kadang-kadang atau tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah begitu tinggi, iaitu masing-masing sebanyak 105 (66.88 peratus) dan 52 (33.12 peratus). Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan.

5.3.7 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Keluarga

Kesalahan ejaan responden mengikut penggunaan bahasa Melayu dengan keluarga jelas menunjukkan signifikannya. Pelajar yang sering bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan. Mereka yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan 42 (26.75 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang langsung tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan paling banyak kesalahan, iaitu sebanyak 115 atau 73.25 peratus.

5.3.8 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Minat Belajar Bahasa Melayu

Jumlah kekerapan kesalahan ejaan yang dikesan daripada pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu amat rendah, iaitu hanya 5 (3.18 peratus). Pelajar yang sekadar minat belajar bahasa Melayu melakukan sebanyak 92 (58.60 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu pula melakukan sebanyak 60 (38.22 peratus) kesalahan.

5.3.9 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Minat Membaca Dan Mendengar Puisi

Kekerapan kesalahan ejaan yang dilakukan oleh pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi amat kurang, iaitu sebanyak 30 (19.11 peratus sahaja), manakala pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar puisi pula melakukan kesalahan ejaan yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 127 atau 80.89 peratus.

5.3.10 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Kekerapan Meminjam Buku Berbahasa Melayu dari Perpustakaan Sekolah dalam Sebulan

Kajian ini juga dengan jelasnya menunjukkan bahawa pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah tidak melakukan sebarang kesalahan ejaan. Pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan jumlah kesalahan yang agak sederhana, iaitu sebanyak 61 (38.85 peratus), sementara pelajar yang langsung tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan jumlah kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 96 atau 61.15 peratus.

5.3.11 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Minat Membaca dan Mendengar Cerita

Jumlah kesalahan ejaan pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita adalah paling rendah, iaitu hanya 3 atau 1.91 peratus. Pelajar yang sekadar minat membaca dan mendengar cerita melakukan sebanyak 89 (56.69 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita pula melakukan sebanyak 65 (41.40 peratus) kesalahan.

5.3.12 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Persekitaran Tempat Tinggal

Kajian ini mendapati bahawa pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua melakukan sebanyak 36 (22.93 peratus) kesalahan ejaan. Pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan sebanyak 59 (37.58 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina, separuh kaum lain melakukan sebanyak 62 (39.49 peratus) kesalahan. Kelihatan bahawa unsur persekitaran tidak begitu mempengaruhi pencapaian ejaan di kalangan responden.

5.3.13 Kesalahan Ejaan Responden Mengikut Kawasan Tempat Tinggal

Kajian ini jelas menunjukkan pelajar yang tinggal di bandar melakukan kesalahan ejaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 90 atau 57.32 peratus. Mereka yang tinggal di luar bandar dan kampung baharu yang terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu melakukan kesalahan ejaan yang kurang, iaitu masing-masing sebanyak 34 (21.66 peratus) dan 33 (21.02 peratus).

5.4 Penutup

Dalam bab ini telah diuraikan latar belakang responden. Faktor-faktor ini kemudiannya dikaitkan dengan kesalahan-kesalahan ejaan yang dilakukan oleh mereka. Walaupun ejaan merupakan hanya satu aspek kecil dalam penulisan bahasa Melayu, berbanding dengan aspek-aspek morfologi dan sintaksis, namun dapat dilihat beberapa unsur perkaitan, misalnya minat terhadap bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi, dan penggunaan bahasa Melayu dengan rakan-rakan di sekolah.